

# **JURNAL PERADABAN**

**Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban  
Jilid 3, 2010**

**Jawatankuasa Editorial:**

Osman Bakar  
Azizan Baharuddin  
Amran Muhammad  
Fauzi Hamat  
Azhar Md. Aros  
Ibrahim Ismail

**Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur**

# Kandungan

Sekapur Sirih	v - vi
Ajaran Sesat Di Malaysia <i>Engku Ahmad Zaki Engku Alwi</i>	1 - 16
Ketinggian Bidang Terjemahan Sebagai Satu Manifestasi Bangsa Berilmu: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam <i>Ratna Roshida Ab. Razak &amp; Aiza Maslan @ Baharudin</i>	17 - 35
Peradaban Jepun Dan Islam: Tinjauan Dalam Aspek Kerpercayaan <i>Mohd Syariefudin Abdullah</i>	37 - 56
"Tamadun Awal Jepun: Orang <i>Wa</i> Perintis Pembinaan Peradaban Negara Bangsa <i>Yamato</i> " <i>Jaafar Jambi</i>	57 - 81
Transformasi Amalan Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah <i>Nurdeng Deuraseh</i>	83 - 97
Laris, Terhiris Dan Tergores: Ulasan Buku Quran Saintifik Karya Dr. Danial Zainal Abidin <i>Shaharir Mohamad Zain</i>	99 - 124
Biodata Penyumbang	125 - 127
Garis Panduan Penyumbang Artikel	128 - 130
Panduan Penulisan Ulasan Buku	101

## **Sekapur Sirih**

Jurnal Peradaban edisi kali ini mengemukakan kepada para pembaca lima buah makalah yang mengupas pelbagai isu yang berkaitan dengan peradaban. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi membicarakan fenomena ajaran sesat di Malaysia yang menurut beliau berkembang pesat dalam masyarakat negara ini. Beliau cuba menelusuri ciri-ciri ajaran sesat yang wujud dalam masyarakat serta bagaimanakah ajaran sesat ini timbul. Bagi beliau ajaran sesat ini adalah gejala buruk kepada masyarakat Islam semasa di Malaysia dan usaha yang lebih terperinci diperlukan bagi membendung permasalahan ini. Persoalan ajaran sesat sepatutnya diambil perhatian secara serius oleh pihak-pihak yang berwajib bagi mengelakkan lebih ramai umat Islam terpesong dari ajaran Islam yang sebenar.

Ratna Roshida Ab Razak dan Aiza Maslan @ Baharudin pula mengemukakan kegemilangan aktiviti penterjemahan dalam peradaban Islam sebagai manifestasi umat berilmu. Aktiviti penterjemahan dalam peradaban Islam telah bermula seawal Kerajaan Bani Umayyah dan diteruskan oleh Kerajaan Bani Abassiyah sebelum disambung oleh Kerajaan Islam di Andalusia. Aktiviti penterjemahan ini juga menjadi ciri-ciri utama bagi Kerajaan Islam di Kepulauan Melayu. Aktiviti penterjemahan ini bukan sahaja memberi kesan yang besar dalam kehidupan beragama masyarakat Melayu tetapi juga merubah corak pemikiran dan pandangan hidup umat Melayu melalui budaya ilmu yang terhasil dari aktiviti penterjemahan tersebut.

Mohd Syariefudin Abdullah membentangkan perbandingan antara peradaban Islam dan Jepun dari sudut kepercayaan beragama. Beliau memulakan perbincangan dengan menjelaskan faham agama dan kepercayaan dari sudut definisi dan klasifikasi. Seterusnya beliau menghuraikan faham kepercayaan Islam dan faham kepercayaan Jepun. Beliau membuat kesimpulan bahawa peradaban Islam dan

Jepun mempunyai asas kekuatan masing-masing dan kedua-dua peradaban ini pernah mencapai kegemilangan masing-masing. Kegemilangan ini menurut beliau disebabkan oleh pengaruh kepercayaan dan agama masing-masing yang mendorong kepada kekuatan dan pembinaan tamadun Islam dan Jepun tersebut.

Jaafar Jambi dalam makalah beliau "Tamadun Awal Jepun: Orang Wa Perintis Pembinaan dan Peradaban Negara Bangsa Yamato" mengupas asal-usul pembentukan bangsa dan negara Jepun. Beliau menghuraikan secara terperinci pembentukan bangsa dan negara Jepun yang juga dikenali sebagai Nihon atau Nippon selain dari Yamato yang lebih awal. Pelbagai dimensi perkembangan bangsa dan negara Jepun telah dihuraikan seperti soal budaya, bahasa, adat, tulisan, undang-undang, institusi sosial, falsafah dan etika mereka. Dibicarakan juga pembentukan bangsa dan negara Jepun yang dibantu oleh perhubungan dengan bangsa dan negara Korea dan China. Menerusi kedua-dua negara inilah bangsa dan negara Jepun mengambil banyak elemen-elemen kehidupan yang penting untuk mempertingkatkan peradaban Jepun itu sendiri. Berdasarkan kupasan penulis dari sejak awal lagi bangsa dan negara Jepun telah memiliki pelbagai elemen untuk memenuhi ciri-ciri menjadi sebuah negara yang mempunyai peradaban yang hebat.

Nurdeng Deuraseh mengemukakan proses transformasi amalan perubatan tradisional Melayu dari perspektif rukyah. Rukyah atau jampi dalam bahasa Melayu merupakan satu bentuk rawatan tradisional menggunakan doa dan bacaan al-Qur'an dan al-Hadith. Bermula dari rawatan yang berteraskan kepada pemikiran dan pandangan hidup Hindu-Buddha ia telah melalui proses "islamisasi" satu transformasi kepada pemikiran dan pandangan hidup Islam berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah. Kepada pengarang ini merupakan satu proses yang revolusioner kerana perubahan radikal dari pemikiran dan pandangan hidup Hindu-Buddha kepada pemikiran dan pandangan hidup Islam melalui penggunaan istilah-istilah Islam menggantikan istilah-istilah Hindu-Buddha. Istilah-istilah seperti Allah, Ya Rabb, Ya Ilahi, malaikat, rasul, Muhammad adalah antara istilah-istilah baru

yang diperkenalkan dalam transformasi dan Islamisasi rawatan tradisional Melayu. Kesemua perbicaraan dalam makalah-makalah Jurnal Peradaban kali ini diharap akan dapat menambah lagi ilmu pengetahuan para pembaca yang budiman terhadap karya-karya dalam bidang kajian dan dialog peradaban ini.

**Sidang Editor.**